



28 Ogos 2020  
28 August 2020  
P.U. (A) 243

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA  
(PINDAAN) (NO. 2) 2020

*EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT)  
(NO. 2) RULES 2020*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) (NO. 2) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) (No. 2) 2020**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2020.

**Pindaan kaedah 41**

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 41—

(a) dalam subkaedah (1), dengan memasukkan nota birai yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang telah mencapai umur lima puluh tahun atau lima puluh lima tahun.”;

(b) dalam subkaedah (2), dengan memasukkan nota birai yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang tidak berupaya dari segi fizikal atau mental.”;

(c) dalam subkaedah (7), dengan memasukkan nota birai yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang bukan warganegara Malaysia dan akan meninggalkan Malaysia.”;

(d) dalam subkaedah (8), dengan memasukkan nota birai yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang telah membeli atau membina rumah, dsb.”;

(e) dalam subkaedah (9), dengan memasukkan nota birai yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang telah meninggal dunia.”;

(f) dalam subkaedah (10A), dengan memasukkan nota birai yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang atau anaknya memerlukan pembiayaan bagi pengajian tinggi.”;

(g) dalam subkaedah (10F), dengan memasukkan nota birai yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang memerlukan pembiayaan bagi kelestarian hidup.”; dan

(h) dengan memasukkan selepas subkaedah (10F) subkaedah yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang atau orang yang diluluskan memerlukan pembiayaan perubatan. (10G) Jika notis pengeluaran dibuat di bawah perenggan 54(6)(f) Akta atas alasan bahawa ahli Kumpulan Wang atau mana-mana orang yang diluluskan memerlukan suatu pembiayaan perubatan, ahli Kumpulan Wang itu hendaklah memberikan suatu notis pengeluaran kepada Lembaga.

pembiayaan

perubatan.

(10H) Pembiayaan perubatan yang disebut dalam subkaedah (10G) hendaklah pembiayaan bagi suatu rawatan penyakit kritikal atau rawatan kesuburan yang diterima oleh ahli Kumpulan Wang atau orang yang diluluskan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(10I) Notis pengeluaran yang dibuat di bawah subkaedah (10G) hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan rawatan penyakit kritikal atau rawatan kesuburan yang diterima oleh ahli Kumpulan Wang atau orang yang diluluskan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagai keterangan menyokong notis pengeluaran itu.

(10J) Jika Lembaga berpuas hati dengan notis pengeluaran yang dibuat di bawah subkaedah (10G), Lembaga boleh membenarkan pengeluaran dan membayar sebahagian atau keseluruhan jumlah yang diperlukan bagi pembiayaan rawatan penyakit kritikal atau rawatan kesuburan itu.

(10K) Apa-apa pembayaran yang dibuat di bawah subkaedah (10J) tidak boleh melebihi jumlah yang diperlukan bagi rawatan penyakit kritikal atau rawatan kesuburan itu atau amaun dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang itu, mengikut mana-mana yang lebih rendah.

(10L) Walau apa pun subkaedah (10J), Lembaga tidak boleh membenarkan pengeluaran itu jika—

- (a) ahli Kumpulan Wang itu telah menerima suatu pembiayaan perubatan penuh daripada majikannya atau majikan orang yang diluluskan berkenaan dengan rawatan penyakit kritikal atau rawatan kesuburan itu; atau

(b) orang yang diluluskan itu telah menerima suatu pembiayaan perubatan penuh daripada majikannya atau majikan ahli Kumpulan Wang itu berkenaan dengan rawatan penyakit kritikal atau rawatan kesuburan itu.

(10M) Bagi maksud subkaedah (10G), (10H), (10I) (10J), (10K) dan (10L)—

(a) “anak” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subkaedah (10E) Kaedah-Kaedah ini;

(b) “ibu atau bapa” ertinya ibu sebenar atau bapa sebenar ahli Kumpulan Wang, ibu tiri atau bapa tiri ahli Kumpulan Wang, atau ibu angkat atau bapa angkat ahli Kumpulan Wang yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan di dalam atau di luar Malaysia;

(c) “orang yang diluluskan” berhubung dengan—

(i) suatu rawatan penyakit kritikal, ertinya anak,

suami atau isteri, ibu atau bapa,  
ibu atau bapa mentua  
atau adik-beradik sebenar,  
ahli Kumpulan Wang itu; atau

(ii) suatu rawatan kesuburan,  
ertinya suami atau isteri ahli  
Kumpulan Wang itu; dan

(d) “suami atau isteri” ertinya  
suami atau isteri ahli Kumpulan  
Wang yang perkahwinannya  
didaftarkan di bawah mana-mana  
undang-undang bertulis di dalam  
atau di luar Malaysia.”.

Dibuat 24 Ogos 2020  
[KWSP/JUU/015/24; PN(PU2)498/XV]

TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR  
*Pengerusi*  
*Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja*

EMPLOYEES PROVIDENT FUND ACT 1991

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (NO. 2) RULES 2020

IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Employees Provident Fund Act 1991 [*Act 452*], the Board makes the following rules:

**Citation and commencement**

1. (1) These rules may be cited as the **Employees Provident Fund (Amendment) (No. 2) Rules 2020**.

(2) These Rules come into operation on 1 September 2020.

**Amendment of rule 41**

2. The Employees Provident Fund Rules 1991 [*P.U. (A) 493/1991*], which are referred to as the “principal Rules” in these Rules, are amended in rule 41—

(a) in subrule (1), by inserting the following marginal note:

“Member of Fund has attained age of fifty years or fifty-five years.”;

(b) in subrule (2), by inserting the following marginal note:

“Member of Fund is physically or mentally incapacitated.”;

(c) in subrule (7), by inserting the following marginal note:

“Member of Fund is not Malaysian citizen and about to leave Malaysia.”;

(d) in subrule (8), by inserting the following marginal note:

“Member of Fund has purchased or built house, etc.”;

(e) in subrule (9), by inserting the following marginal note:

“Member of Fund has died.”;

(f) in subrule (10A), by inserting the following marginal note:

“Member of Fund or his child requires financing for higher learning.”;

(g) in subrule (10F), by inserting the following marginal note:

“Member of Fund requires financing for sustainable living.”; and

(h) by inserting after subrule (10F) the following subrules:

“Member of Fund or approved person requires medical financing. (10G) Where a notice of withdrawal is made under paragraph 54(6)(f) of the Act on the ground that a member of the Fund or any approved person requires a medical financing, the member of the Fund shall give a notice of withdrawal to the Board.

(10H) The medical financing referred to in subrule (10G) shall be the financing for a critical illness treatment or fertility treatment received by the member of the Fund or approved person, as the case may be.

(10I) The notice of withdrawal made under subrule (10G) shall be accompanied with any document relating to the critical illness treatment or fertility treatment received by the member of the Fund or approved person, as the case may be, as evidence in support of the notice of withdrawal.

(10J) Where the Board is satisfied with the notice of withdrawal made under subrule (10G), the Board may authorize the withdrawal and pay partly or wholly the sum required for the financing of the critical illness treatment or fertility treatment.

(10K) Any payment made under subrule (10J) shall not exceed the sum required for the critical illness treatment or fertility treatment or the amount in the Account II of the member of the Fund, whichever is lesser.

(10L) Notwithstanding subrule (10J), the Board may not authorize the withdrawal if—

(a) the member of the Fund has received a full medical financing from his employer or employer of the approved person in respect of the critical illness treatment or fertility treatment; or

(b) the approved person has received a full medical financing from his employer or employer of the member of the Fund in respect of the critical illness treatment or fertility treatment.

(10M) For the purposes of subrules (10G), (10H), (10I), (10J), (10K) and (10L)—

- (a) “child” has the meaning assigned to it in subrule (10E) of these Rules;
- (b) “parent” means a natural mother or natural father of the member of the Fund, a step mother or step father of the member of the Fund, or an adoptive mother or adoptive father of the member of the Fund registered under any written law relating to adoption within or outside Malaysia;
- (c) “approved person” in relation to—

  - (i) a critical illness treatment, means a child, spouse, parent, parent in law or natural sibling, of the member of the Fund; or
  - (ii) a fertility treatment, means a spouse of the member of the Fund; and
- (d) “spouse” means a husband or wife of the member of the Fund whose marriage is registered under any written law within or outside Malaysia.”.

Made 24 August 2020  
[KWSP/JUU/015/24; PN(PU2)498/XV]

TAN SRI AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR  
*Chairman*  
*Employees Provident Fund Board*